

I0000009859

PERISIAN PEMROSESAN DATA - PSION ORGANISER

**Disampaikan kepada Jabatan Ukur Tanah
sebagai memenuhi salah satu syarat penerimaan
Diploma Lanjutan Ukur Tanah, Institut Teknologi Mara**

oleh

Noorazmi Bin Nordin

**JABATAN UKUR TANAH
KAJIAN KEJURUTERAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN**

NOVEMBER 1991

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinnya, saya telah dapat menyiapkan projek ini dan mencapai objektif seperti yang diharapkan.

Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ingin saya sampaikan kepada penyelia projek, Encik Jasme Jaafar atas segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau telah dapat membantu saya dalam usaha untuk menyiapkan projek ini. Juga diucapkan terima kasih kepada Encik Wan Mohd. Naim Bin Wan Mohammed, yang telah memberi bimbingan terutamanya dalam menyelesaikan masalah pengaturcaraan. Juga kepada majikan saya iaitu Mr. K.S Nair (Perunding Ukur KSN) yang telah menaja dan memberi semangat sepanjang pengajian saya di ITM.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam memberikan bantuan dan sokongan dan semoga jasa baik dan kerjasama kalian diberkati Allah s.w.t.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih tak terhingga kepada isteri saya, Liza yang cukup sabar dan sentiasa mendoakan kejayaan saya ini.

Noorazmi Nordin,

Kuala Lumpur, November 1991.

ABSTRAK

Perkembangan yang pesat dalam teknologi digital telah meningkatkan keperluan kepada suatu sistem pemprosesan data. Data digital perlu diproses bagi menghasilkan maklumat yang dapat dimanfaatkan untuk perancangan dan pembangunan sumber masa hadapan. Projek ini yang bertajuk 'Perisian Pemprosesan Data - Psion Organiser' merupakan pengaturcaraan yang di buat khusus bagi pemprosesan data kerja ukur. Kajian di buat berdasarkan kepada alat 'Psion Organiser - LZ64' sedia ada yang telah diprogramkan dan ini dikenali sebagai 'Buku Kerjalar Elektronik - (EFB)' atau 'Data Logger' dalam projek ini.

'EFB' tersebut terdiri daripada tiga pakej ukur yang telah dibentuk iaitu pakej Ukur Aras, Ukur Takimetri dan pakej Ukur Kadester. Data mentah 'simulasi' dari ketiga-tiga pakej telah diproses melalui perisian yang telah dibentuk bagi melihat keberkesanan pengaturcaraan ini. Keseluruhan projek ini telah berjaya disiapkan bukan sahaja untuk pemprosesan data tetapi telah di luaskan keupayaannya ke peringkat paparan grafik, dan pembentukan format 'scripts file' untuk proses penyuntingan dan pemelotan yang lebih sistematik dengan bantuan perisian AutoCad.

JADUAL ISI KANDUNGAN

| | Muka | Surat |
|--|------|-------|
| Penghargaan | i | |
| Abstrak | ii | |
| Abstract | iii | |
| Isi Kandungan | iv | |
| Senarai Rajah | ix | |
| Senarai Jadual | xi | |
| Senarai Carta Alir | xii | |
| Kandungan | | |
| BAB SATU | | |
| PENGENALAN | | |
| 1.0 Pendahuluan | 1 | |
| 1.1 Objektif Projek | 2 | |
| 1.2 Skop Kajian | 3 | |
| 1.3 Peralatan | 4 | |
| 1.4 Penyediaan Aturcara | 7 | |
| 1.5 Garis Panduan Kandungan Projek | 7 | |
| BAB DUA | | |
| PENGENALAN KEPADA TIORI PEMROSESAN DATA | | |
| 2.0 Pengenalan | 10 | |
| 2.1 Definasi Data | 11 | |
| 2.2 Definasi Pemprosesan | 11 | |
| 2.3 Mekanisasi - Komputer | 13 | |
| 2.4 Jenis-Jenis Peranti Storan | 15 | |

1.0 PENDAHULUAN

Perubahan yang pesat dalam teknologi maklumat terutamanya dalam bidang ukur tanah sendiri sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah banyak menggalakkan penciptaan baru sistem pemprosesan data. Pemprosesan data elektronik, penyelidikan, dan lain-lain kemajuan saintifik dan kejuruteraan kini lebih merupakan sebahagian dari kemajuan yang banyak bergantung kepada keupayaan pemprosesan data khususnya.

Kemajuan yang pesat ini tidaklah sekali-kali menyebabkan pemprosesan data dengan kaedah insani atau tradisional dianggap telah ketinggalan zaman, tetapi ia akan lebih menyedarkan betapa pemprosesan data berkomputer merupakan satu pendekatan yang lebih praktik, lebih pantas dan mampu menghasilkan maklumat dengan cepat dan tepat.